

KENYATAAN MEDIA

EMPAT STESEN MEMULAKAN PROGRAM HAK PENAMAAN STESEN MRT CORP

Kuala Lumpur, 11 Julai 2017: Empat stesen MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang akan dibuka sepenuhnya tidak lama lagi telah dipilih untuk memulakan Program Hak Penamaan Stesen Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp).

Hak penamaan stesen, yang akan membenarkan nama, logo atau penjenamaan produk pemegang lesen untuk dikaitkan dengan sesebuah stesen, telah dianugerahkan kepada empat syarikat oleh MRT Corp baru-baru ini.

Stesen-stesen, dengan nama pemegang lesen dan nama stesen di bawah hak penamaan stesen masing-masing, adalah seperti berikut:

NO	STESEN	PEMEGANG LESEN	NAMA DI BAWAH HAK PENAMAAN STESEN
1.	Pusat Bandar Damansara	Jendela Mayang Sdn Bhd	Pavilion Damansara Heights – Pusat Bandar Damansara
2.	Semantan	Manulife Insurance Bhd	Manulife – Semantan
3.	Bukit Bintang	Kuala Lumpur Pavilion Sdn Bhd	Pavilion Kuala Lumpur – Bukit Bintang
4.	Maluri	Aeon Co. (M) Bhd	Aeon – Maluri

Jendela Mayang merupakan pemaju bagi Pavilion Damansara Heights, sebuah pembangunan bersepadu baru yang merangkumi unit kediaman mewah, menara korporat dan sebuah kompleks membeli-belah terletak di kawasan yang dahulunya merupakan Pusat Bandar Damansara, bersebelahan dengan Stesen MRT Pusat Bandar Damansara.

Syarikat Insurans Manulife pula mempunyai ibu pejabat Malaysia di Jalan Gelenggang, Bukit Damansara yang berdekatan dengan Stesen MRT Semantan. Kompleks Membeli-



Belah Pavilion Kuala Lumpur terletak berhampiran Stesen MRT Bukit Bintang sementara Pusat Membeli-Belah Aeon Maluri pula terletak bersebelahan dengan Stesen MRT Maluri.

Di bawah program tersebut, setiap pemegang lesen diberikan hak untuk nama, logo atau jenama produknya untuk dikaitkan dengan sebuah stesen tertentu di sepanjang Laluan SBK, di mana namanya akan diletak bersama nama stesen.

Nama, logo atau jenama produk bersama nama stesen ini akan digunakan di semua papan tanda stesen, tren dan lokasi-lokasi lain, dan juga risalah dan laman web.

Di samping itu, pemegang lesen akan diberikan ruang jenama terkemuka di luar permukaan stesen atau di dalam stesen sekiranya tidak ada ruang di luar stesen.

Pengarah Komersial dan Pengurusan Tanah MRT Corp Dato' Haris Fadzilah Hassan berkata pemegang lesen berpeluang untuk mengaut keuntungan yang banyak dari Program Hak Penamaan Stesen, melihat kepada jangkaan penumpang yang tinggi serta kebolehlihatan stesen MRT yang baik.

"Nama-nama atau jenama mereka mempunyai potensi untuk menjadi nama terkenal apabila nama-nama ini dikait rapat dengan stesen-stesen MRT yang dijangka memberi perkhidmatan kepada 400,000 pengguna sehari," jelas beliau.

Haris berkata pemegang lesen yang berjaya telah dipilih berikutan tender yang telah dilaksanakan pada awal tahun ini.

Tambah beliau, tempoh lesen bagi setiap stesen adalah dari tiga tahun ke 10 tahun maksimum. Pemegang lesen yang berjaya telah dipilih berdasarkan bidaan tertinggi dengan yuran lesen yang dikenakan untuk stesen bermula pada RM1.5 juta untuk minimum tiga tahun, atau RM1.2 juta setiap tahun untuk tempoh minimum selama lima tahun.

Pendapatan yang dijana daripada Program Hak Penamaan Stesen, yang telah dikategorikan sebagai hasil bukan tambang, adalah milik MRT Corp.

Haris berkata keempat-empat stesen ini adalah kelompok pertama yang telah diberikan hak penamaan stesen dan MRT Corp akan membuka tender yang selanjutnya untuk stesen-stesen lain di masa hadapan.

Fasa Kedua Laluan SBK dari Stesen Semantan ke Stesen Kajang akan mula beroperasi mulai 17 Julai 2017. Fasa Pertama dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan telah dibuka kepada orang awam pada 16 Disember 2016. Laluan SBK dianggarkan akan memberi perkhidmatan kepada 400,000 pengguna sehari.

-tamat/-



Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my